

## **BAB 3 : ISLAM DALAM TAMADUN MELAYU SERTA PERANANNYA DALAM PEMBINAAN TAMADUN MALAYSIA**

### **3.1 ISLAM DALAM TAMADUN MELAYU**

#### **a. KONSEP TAMADUN MELAYU**

Tamadun Melayu – sebuah tamadun yang dibentuk oleh sekelompok manusia yang digolongkan secara luas sebagai kumpulan orang-orang Melayu dan bertempat di suatu wilayah di Asia Tenggara yang dikenali dengan pelbagai nama seperti Gugusan Kepulauan Melayu, gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Alam Melayu dan Tanah Jawi.

Istilah Melayu boleh ditakrifkan berdasarkan :

- Rumpun bangsa dan bahasanya iaitu Melayu.
- Tergolong dalam cabang Melayu-Indonesia bersama-sama suku Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minangkabau, Bajau, Murut, Bugis, Sasak, Melanau, Iban, Sulu dll

#### **b. KEDATANGAN ISLAM DAN PENGARUHNYA KE ATAS TAMADUN MELAYU/ALAM MELAYU (AM)**

Terdapat pelbagai teori :

##### **1. Teori Dari India**

- dikemukakan oleh Snouck Hurgronje : "*...Seolah sebahagian bangsa India memeluk Islam, maka orang-orang Islam dari India turut mengambil bahagian lalulintas dan emigrasi di Nusantara, dan mereka itulah yang memasukkan Islam ke wilayah Nusantara.*"
- Kemudian pendapat ini jadi popular dan sebahagian orientalis menyetujuinya antaranya, R.O. Winstedt, B. Harrison dll.
- Alasan dalam kukuhkan teori ini:
  1. Batu-batu nisan awal yang dijumpai di A.M telah diimport dari Kambay (Kembayat) Gujerat.
  2. Peranan penting yang dimainkan oleh pedagang-pedagang Gujerat di Kepulauan Melayu dan kesannya terhadap penyebaran Islam.
  3. Tradisi Kesusasteraan Melayu lebih mirip kepada tradisi India Islam.
  4. Catatan Marco Polo dan Ibn Batutah yang pernah melawat Alam Melayu sekitar abad ke-13 dan 14M.
  5. Terjumpanya makam Sultan Malik al-Salleh, pemerintah Pasai yang disebut dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* sebagai pemerintah I di Kepulauan Melayu – kukuhkan teori Islam hanya tersebar sekitar abad 13M.
- Kelemahan teori:
  1. Kajian mutakhir – perhubungan di antara A.M dan Tanah Arab sebelum lahirnya Islam lagi. Tidak tepat katakan batu nisan yang dijumpai menyerupai India, jadi Islam dari India.
  2. Bukan hanya pedagang India sahaja berdagang di A.M tetapi juga dari tempat lain seperti China. Pedagang Arab yang pergi ke Canton juga singgah ke A.M sekurang2nya untuk dapatkan bekalan atau menunggu angin yang sesuai untuk meneruskan pelayaran mereka dan masa inilah mereka gunakan untuk berdagang.
  3. Tradisi kesusasteraan berkembang lewat setelah Islam lama bertapak dan berkembang luas di India.

## 2. Teori Dari China

- Prof.S.Q.Fatimi – perpindahan beramai-ramai orang Islam dari Canton 876( atau 878) akibat pemberontakan yang berlaku hingga korbakan 100,000 -150,000 orang Islam → pergi ke A.M, antaranya menurut S. Naquib ke Kedah dan Palembang. Selain itu ke Champa, Brunei, pantai timur T.Melayu ( Patani, Kelantan, T'ganu dan Pahang ) dan Jawa Timur.
- Bukti dari batu nisan Syeikh Abdul Qadir di Langgar, Kedah, batu bersurat Phan-rang di Kemboja, batu nisan Pahang dan batu bersurat Terengganu 1303M. Pengaruh China ini dibuktikan dengan bentuk masjid di Melaka dan Jawa seperti Pagoda.
- Bukti yang dikemukakan agak menyakinkan tetapi tidak bermakna Islam hanya pada masa itu baru diperkenalkan di A.M kerana dah ada penempatan Islam awal dari tarikh tersebut terutama di utara Sumatera.

## 3. Teori Dari Tanah Arab.

- Teori ini mendapat sokongan ramai pada masa kini.
- Hujah :
  1. Hamka : ada bukti orang Arab telah belayar ke Indonesia terlebih dahulu sebelum kelahiran Nabi Muhammad untuk membeli rempah ratus dan kapur barus yang hanya terdapat di Sumatera → peta/ lokasi AM telah lama berada di minda orang Arab.
  2. 7M – Islam telah sampai ke Sumatera bila Muawiyah bin Abi Sufian kirim utusan ke raja Srivijaya . Begitu juga Umar bin Abd Aziz telah menggiatkan dakwah dan perniagaan di A.M.
  3. Pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Malik – hantar 35 buah armada ke muara Sabak di Jambi. Armada inilah yang dikatakan bertolak dari Ceylon ke Palembang 717M sebelum ke China.
  4. Pedagang Arab telah berdagang di A.M sebelum Islam lagi. Bila mereka dah peluk Islam maka bermulalah pertapakan Islam di AM. Sebahagian besar pedagang dari Yaman, Hadramaut dan Oman. Pengislaman Yaman atas usaha Ali bin Abi Talib mempunyai implikasi terhadap pengislaman AM lantaran merekalah yang menyebarkan Islam ketika singgah di AM.
  5. Bukti catatan sejarah pengislaman raja-raja di A.M dilakukan oleh pendakwah dari Timur Tengah. Contohnya Maharaja Drebar II yang perintah Kedah pada 1136M telah memeluk Islam dari S.Abdullah bin S. Ahmad dari Yaman dengan memakai nama baru Sultan Muzafar Shah. Parameswara pula peluk Islam dari Sheikh Abdul Aziz dari Jeddah dan tukar nama kepada Sultan Muhammad Shah.
  6. Islam telah sampai sejak pertama Hijrah ( abad ke 7M ) – wujud perkampungan Islam di utara Sumatera yang dikenali sebagai *Ta-shih*.
  7. Penggunaan tulisan jawi yang meluas. Huruf jawi sama dengan huruf Arab Cuma berlaku penambahan seperti ga ( ك ) dan cha ( ح ) dll pengaruh dari Parsi.
  8. Pengaruh Timur Tengah dalam bacaan al-Quran.
  9. Pengaruh dalam kesusasteraan Melayu.
  10. Pengaruh Arab dalam perkataan Melayu seperti Kitab, surat, kertas dll. Begitu juga dengan nama orang Melayu yang berunsurkan kearaban.
  11. Terdapat di AM keturunan Arab seperti Syed dan Syarifah.

## c. FAKTOR PEMANGKIN ISLAMISASI DI ALAM MELAYU

### 1. Keunggulan dan kemurniaan Islam

- agama yang mudah difahami bukan satu agama yang kompleks seperti Hindu Buddha - contoh konsep keesaan Tuhan berbanding dengan *Konsep Trimurti* dalam agama Hindu.
- menekankan kesamarataan – semua manusia adalah sama kecuali taqwa, tiada sistem kasta
- Bersifat rasional dan praktikal dalam pelbagai bidang samada politik, ekonomi mahupun sosial.
- Mengutamakan akhlak dan kehalusan budi - contoh anjuran bantu membantu, bersifat adil dll.
- Menganjurkan kebersihan dan kesucian jasmani dan rohani.

## **2. Pengislaman Raja-raja / Pemerintah**

- Konsep pendewaan terhadap pemerintah dari doktrin dewaraja yang dibawa oleh agama Hindu – konsep daulat dan derhaka tertanam dalam jiwa. Bila pemerintah atau raja masuk Islam → rakyat pun turut masuk Islam.
- Ini dilihat dengan pengislaman rakyat di Melaka, Kedah dan Patani. *Sejarah Melayu* mengesahkan bila Raja Kecil Besar Islam pembesar dan rakyatnya pun masuk Islam. Cerita *Hikayat Merong Mahawangsa* – pengislaman Kedah, Hikayat Patani – pengislaman Patani.

## **3. Perkahwinan.**

- dalam menunggu angin berbulan lamanya, terdapat di kalangan pedagang yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Untuk itu sebelum kahwin, wanita tersebut telah diislamkan terlebih dahulu. Ini mudah kerana pedagang 2 tersebut merupakan orang kaya dan sering dikagumi penduduk tempatan.
- Setelah kahwin → biasanya keluarganya pun akan memeluk Islam
- Terdapat juga pedagang yang berkahwin dengan puteri pemerintah tempatan → lebih mudah Islam tersebar.
- Terdapat juga perkahwinan dengan wanita Islam dengan lelaki bukan Islam seperti perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan Puteri Pasai.

## **4. Hubungan Diplomatik**

- Menurut teori Islam ke AM dari China, berdasarkan catatan sejarah pada abad ke 15M Melaka telah buat hubungan diplomatik dengan China pada 1404. Pada tahun-tahun berikutnya Melaka telah menerima beberapa utusan dan begitu sebaliknya. Melaka adakan hubungan baik dengan China untuk melindunginya dari ancaman Siam. Awal perhubungan ini, China telah menghantar Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam bagi melaksanakan tujuan ini.
- Dasar perlindungan China terhadap negeri2 di AM bertujuan politik dan menyebarkan Islam. Ini secara tidak langsung mengembangkan dakwah Islam. Perlindungan terhadap Melaka memberikan impak yang sama terhadap negeri2 di Kepulauan Melayu yang lain seperti Kedah, Johor, Kampar dsb.

## **5. Politik dan Penaklukan.**

- Peperangan bukanlah satu cara untuk menyebarkan Islam sebagaimana pendapat para orientalis walaupun secara kasar ia kelihatan begitu.
- Contohnya penaklukan Melaka ke atas Pahang bukanlah bertujuan untuk mengislamkan Pahang tetapi lebih kepada matlamat politik kerana Pahang dikatakan kaya dengan emas. Pengislaman yang berlaku ke atas negeri yang ditakluk berlaku kerana usaha dakwah dan

pedagangan antara kedua negeri tersebut lebih mudah di bawah pemerintahan yang sama. Selain itu konsep taatkan pemerintah/ raja menyebabkan mereka mudah memeluk Islam. Ini dicatatkan dalam buku Sejarah Melayu.

- Begitu juga contohnya setelah Demak menawan Majapahit dan mengambil alih pemerintahan kerajaan Jawa, hampir seluruh rakyatnya memeluk Islam. Ini bukan berlaku kerana paksaan tetapi faktor kesetiaan terhadap pemerintah – mengikut agama raja mereka.

## 6. Perdagangan

- anjuran hadis : "*Sampaikan dariku w/pun satu ayat.*" → pedagang selain berdagang mereka berdakwah mengembangkan Islam.
- w/pun peringkat awal Pedagang Arab berdagang ke China, mereka terpaksa singgah ke AM untuk menunggu angin yang sesuai sebelum ke China atau pulang ke Arab → peluang bergaul dan berdakwah.
- Wbagaimanapun ini cara ini tidak meluas – terhad di kalangan pedagang dan kota pelabuhan sahja.
- Cara ini dijelaskan oleh Marco Polo tentang pengislaman Perlak 1292M – pedagang berjaya pujuk penduduk Perlak masuk Islam.
- Selain itu peranan pegawai perdagangan dalam negeri Islam di AM seperti peranan Syahbandar Melaka menyebabkan ramai pedagang masuk Islam. Pedagang Islam yang berdagang di Melaka biasanya dapat layanan istimewa dari syahbandar ini. Justeru itu untuk dapat layanan istimewa ini ramai pedagang dari Kepulauan Melayu seperti Brunei, Ternate, Jawa dan Sulawesi masuk Islam.

## 7. Keunggulan dan Kebijaksanaan Pendakwah.

- pendakwaan para ulama dan ahli sufi cara penyebaran yang lebih meluas dan berkesan.
- Bermula sejak pemerintahan Khalifah Umar b. Abdul Aziz lagi – hantar pendakwah ke seluruh pelusuk termasuk AM. 720M berjaya islamkan kerajaan *Suwarnabhumi* atau Melayu Jambi ( *San-fo-tsi* ) → setelah islam dikenali sebagai *Sribuza Islam*.
- 820M – rombongan yang diketuai oleh Nakhoda Khalifah → Perlak.
- Abad 10M – dunia Islam kucar kacir → kerajaan B.Abasiyyah lemah → wujud masyarakat asingkan diri kerana kecewa dengan situasi ini menjadi ahli sufi dan kemudian berdakwah keluar dari Tanah Arab. Merekalah memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah di AM abad 13M dan selepasnya.
- Ahli sufi ini telah menjalankan pendidikan formal yang dikenali sebagai zawiyah, khawanik dan rabt → bila sampai di AM mengajar di masjid atau di rumah mereka → berkembang menjadi sekolah tersendiri dikenali pondok atau *pesantren*. Di Acheh dipanggil *dayah*.
- Lahir ulama di AM seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf al-Singkeli, Wali Songo dll.

## 3.2 PENGARUH DAN KESAN TAMADUN ISLAM DALAM TAMADUN MELAYU

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah beri pengaruh yang besar. Prof. S.M. Naquib al-Attas : Islam telah bawa 'zaman baru' di Nusantara , berjaya mengubah "jiwa dan wajah" AM.

Aspek Perubahan:

### 1. AGAMA / KEPERCAYAAN

- kepercayaan tahyul dan khurafat iaitu kepercayaan *animisme, dinamisme* dan penyembahan nenek moyang atau *hyang* serta kepercayaan Hindu-Buddha digantikan dengan akidah tauhid.
- Islam telah hapuskan kepercayaan *sinkritime Hindu-Buddha-Hyang*
- Golongan yang mainkan peranan ialah ahli sufi dan para mubaligh
- Agama Islam menjadi agama rasmi
- Kekuatan pegangan agama telah timbulkan semangat jihad menentang penjajah.

## 2. SOSIAL DAN BUDAYA.

- budaya, cara hidup dan pemikiran turut mempengaruhi AM. Kepercayaan kepada kekuasaan Allah telah beri setiap individu harga diri kerana tiada perbezaan antara sesama manusia di sisi Allah kecuali taqwa.
- Pengaruh akidah, syariah dan akhlak memberi kesan dalam kehidupan.
- Berlaku asimilasi antara jaran islam dan budaya setempat.
- Islamisasi berlaku secara beransur-ansur tanpa pertentangan terbuka.

## 3. EKONOMI

- berlandaskan hukum syarak – seperti konsep halal haram.
- Kegiatan perdagangan diteruskan.
- Segala tindak tanduk bukan sahaja dikawal oleh keikhlasan hati sahaja tetapi juga oleh undang-undang negara seperti Risalat Hukum Kanun dan Undang2 Laut Melaka.

## 4. POLITIK DAN PERHUBUNGAN

- pengislaman raja-raja membawa arus perubahan dalam sosio-politik
- Tertubuhnya kerajaan Melayu-Islam, pertama di AM *Ta-shih* di Sumatera 674M. Kemudian Perlak, Samudera-Pasai, Sribuza Islam, Champa, Melaka, Aceh dll.
- sistem kesultanan berbeza dengan sebelumnya sistem pemerintahan beraja – konsep dewaraja dihapuskan. Islam telah berjaya memanusiakkan raja-raja yang dianggap dewa sebelum ini.
- Begitu juga Islam telah membawa transformasi nilai dan etka pemerintahan kepada raja-raja contohnya terdapat karya ketatanegaraan yang menunjukkan dengan jelas pemikiran Islam dalam politik Islam di AM seperti kitab *Tajul Salatin* karya Bukhari al-Jauhari. Kitab ini memperincikan tatusila serta kod etika yang harus dipakai raja-raja seperti harus bersifat adil, amanah dsb.
- Watak dan peribadi Sultan pun berubah kepada seorang yang cintakan ilmu serta mendampingi ulama seperti Sultan Malik Zahir di Pasai, Sultan Mansur Shah di Melaka, Sultan Mahkota Alam di Aceh dll.
- Kerajaan2 Melayu-Islam ini memainkan peranan penting sebagai pusat tamadun.
- Sistem pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah di Turki menjadi contoh dalam pentadbiran iaitu
  - sultan sebagai ketua negara dan ketua agama
  - mufti atau alim ulama sebagai penasihat.
- asimilasi undang-undang tempatan dengan undang-undang Islam.
- Wujud undang-undang Islam bertulis menggantikan undang-undang Melayu tempatan ( Malay Local Law ) seperti di Melaka terdapat:
  - Hukum Kanun Melaka – undang-undang negeri
  - Undang-undang Melaka - undang-undang negeri

- Undang-undang Laut Melaka – undang-undang yang berhubung dengan peraturan laut serta jenayah perdagangan.
- di Aceh – Kanun Mahkota Alam
- mufti dan kadi bertindak sebagai penasihat Sultan menggantikan para sami sebelumnya menjadi penasihat Raja Hindu-Buddha.

## **Kemunculan Pusat-Pusat Kerajaan Dan Tamadun Melayu Zaman Islam.**

### **A. Perlak-Samudera-Pasai ( 840M )**

Pusat tamadun Melayu Islam terawal.

#### **Perlak :**

- Kerajaan Melayu Islam pertama ditubuhkan – 840M
- Islam disebar di sini sekitar abad ke 9M, dikatakan hasil usaha Nakhoda Khalifah ( ulama beraliran Syiah ). Akibat kekalahan aliran Syiah di zaman Bani Abasiyyah, beliau telah pergi ke Perlak 820M bersama 100 orang ulama.
- Ketika ini Perlak merupakan sebuah pelabuhan dan petempatan yang dikuasai oleh Orang Parsi.
- A.Hasjmy mengatakan Perlak kerajaan Islam tertua di Asia Tenggara, mazhab rasminya di peringkat awal – Syiah.
- Atas usaha ulama – dirikan beberapa *zawiyah* atau *dayah* sebagai tempat belajar dan mendalami ilmu agama.
- Antara pemerintah terkenal:
  1. Sultan Syed Maulana Abdul Aziz Syah – sultan pertama
  2. Sayyid Maulana Abbas Shah.
  3. Sultan Sayyid Maulana Ali Mughayat Shah
  4. Sultan Makhдум Alaidin Malik Abdul Qadir Syah Johan
  5. Sultan Makhдум Alaidin Malik Abdul Aziz ( sultan terakhir )
- 986M diserang kerajaan Buddha Srivijaya dan pada tahun 1006M pula tentera srivijaya terpaksa berundur akibat ancaman kerajaan Dharma Wangsa dari Jawa.
- Serangan Srivijaya ini walaupun berjaya menawan sebahagian dari Perlak tetapi ianya tidak membantutkan usaha dakwah.
- Pelarian dark kawasan pesisir memainkan peranan dalam pengislaman kawasan pedalaman Aceh.

### **Samudera-Pasai ( 1042-1450M )**

- Terima Islam sekitar abad 13M.
- Antara pemerintah-pemerintahnya:
  1. Meurah Giri ( memakai gelaran Maharaja Mahmud Syah ) – raja pertama.
  2. Meurah Silu – diislamkan dan diberi gelaran Sultan Malik al-Saleh oleh Syeikh Ismail.
  3. Sultan Zainal Abidin
  4. Ratu Nihrasiyah Rawangsa Khaidiyu – pemerintah terakhir.
- Sumbangan dan peranan penting Kerajaan Pasai ialah:
  1. Melahirkan institusi pendidikan yang dinamakan Dayah.
    - Dayah Buki Che Breek.
    - Dayah Cot Kola
  2. Melahirkan tulisan Jawi.

- telah dicipta oleh sekumpulan masyarakat Islam keturunan Pasai yang menetap di bahagian utara Sumatera.
  - Mereka dikatakan berasal dari suku “Jawani” di Parsi.
  - Tulisan menggabungkan huruf Arab, Parsi dan Barbar dikenali sebagai tulisan jawi.
  - Digunakan secara meluas dalam penulisan buku.
3. Menjadi pusat perkembangan bahasa Melayu menerusi tulisan jawi menggantikan tulisan Jawa kuno.
  4. Menjadi pusat perdagangan.

## B. Aceh

- Lokasi - di Sumatera utara
- Sebelum Islam – rakyat dipengaruhi agama Hindu dan Buddha, kepercayaan animisme dan nenek moyang. Percaya hantu dan tempat yang dianggap sakti yang kemudiannya dipuja.
- Menerima Islam 1204M tetapi mencapai zaman kegemilangannya abad ke-16M.
- Zaman gemilang – pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.
- Peranan :
  1. **Pusat Penyebaran dan kegiatan agama Islam.**
    - mendapat gelaran serambi Mekah.
    - Muncul sebagai pusat Islam yang penting selepas kejatuhan Melaka pada abad ke-16M
    - Menjadi tempat ulama berkumpul dan tempat menyelesaikan masalah agama.
    - Faktor penggalak – sikap para sultannya cintakan ilmu. Contoh Sultan Alauddin Riayat Shah lantik Hamzah Fansuri penasihat kerajaan di samping sebagai penulis yang banyak hasilkan karya. Begitu juga para ulama dari luar seperti dari Turki, Parsi, Tanah Arab, India dan Gujerat menjadi penasihat kepada kerajaan selain menjadi guru-guru kepada institusi pengajian dan masjid.
    - Pedang-pedagang turut berdakwah → galakkan pertumbuhan institusi ilmu dan kemajuan ilmu agama seperti Usuluddin, Fekah dan Tasawwuf → Aceh terkenal sebagai pusat perkembangan Tasawwuf.
  2. **Pusat pendidikan.**
    - Menjadi pusat kegiatan ilmu abad ke 16M
    - Terdapat 3 tahap pendidikan iaitu:
      - rendah ( *meunasah* atau madrasah )
      - menengah ( *rangkang* )
      - tinggi ( *balee* )
      - Institusi pendidikan:
        - *Dayah* – kompleks pendidikan yang terdiri daripada beberapa buah *rangkang* dan *balee*.
        - Masjid – contoh Masjid Bayt ar Rahim, Masjid Bayt al-Musyadah dan Masjid Jami' Bayt al-Rahman – dikatakan bertaraf U kerana mempunyai beberapa fakulti.
    - Sistem dan institusi pendidikan di Aceh menjadi contoh kepada:
      - pesantren di Jawa.
      - kawasan di sekitarnya.
    - Lahir ramai ulama. Anak tempatan seperti Syeikh Aminuddin Abdul Rahman bin Ali al-Fansuri yg merupakan ulama terkenal, mendapat pendidikan di Mekah, Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli dll.

- Ulama dari luar seperti dari Timur Tengah, antaranya Syeikh Abdul Qadir, Ibnu Hajar dan Syeikh Muhammad al-Yamani.
- Sikap pemerintah dan rakyat – sanjung orang-orang berilmu – sebagaimana menurut Hamka dalam *Sejarah Umat Islam* : "Apabila datang seorang alim dari luar negeri, setelah diketahui bahawa dia benar-benar orang berilmu, mendapatlah dia tempat istimewa di Aceh dan tidak dipandang apa bangsanya."

### 3. Pusat Kesusasteraan Melayu

- Ramai saterawan muncul yang mana mereka juga terdiri dari golongan ulama
- Contoh Hamzah Fansuri – karya berbentuk prosa dan puisi seperti *Syaribul Asyqin* dan *Asrarul Ariffin* yg merupakan karya satera dan falsafah yang sukar difahami orang awam.
- Nurudin ar-Raniri – karyanya *Bustanul Salatin*
- Bukhari al-Jauhari – karyanya *Tajul Salatin*.

### 4. Pusat perdagangan

- Kedudukannya berhampiran dengan Selat Melaka → tempat perhubungan antara pedagang dari China dan India.
- Selepas Kejatuhan Melaka oleh Portugis, para pedagang mengubah jalan perdagangan → untuk mengelak dari singgah di Melaka mereka singgah di Aceh.
- Aceh mengeksport lada hitam dan emas ke Eropah, China, India, negara Arab dll. → tempat tumpuan saudagar-saudagar dari negara-negara tersebut.
- Kemasyhurannya terbukti di mana terdapat berbagai bunyi sebutan nama Aceh itu sendiri khasnya kepada bangsa asing ; contoh:
  - Itali dan Portugis – Achem, Acen,
  - Orang Arab – Asyi, Dachim, Daging, Dacin.
  - Peranchis – Achem, Achen, Acheh.
  - Orang Inggeris – Athcheen, Acheen, Achin.
  - Orang Belanda – Achem, Achin, Atchin, Athem, Atjin, Atsjiem, Atjeh.
  - Orang China – Atje, Tash.
  - Orang tempatan – Atjeh.
- Semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, berjaya menguasai jalan perdagangan di pantai barat Pulau Sumatera dan jalan perdagangan pantai timur pulau tersebut. Para pedagang asing dipaksa singgah di pelabuhan Aceh.

### 5. Pusat politik Melayu ( Islam )

- Wilayah kekuasaannya meliputi hampir seluruh pulau Sumatera dan sebahagian besar daripada Tanah Melayu termasuk Perak, Johor dan Pahang yang semuanya ini kemudiannya disatukan dan diletak di bawah kekuasaan Kesultanan Aceh → empayar Islam teragung dan berpengaruh di AM.
- Turut mendapat perhatian utama dari kerajaan Islam lain seperti Kerajaan India dan Turki – ini jelas terbukti melalui sistem pemerintahan yang diujalakan, nama atau gelaran jawatan dalam kerajan, gelaran yang dipakai sultan serta bendera yang digunakan. Justeru itu tidaklah hairan Aceh telah mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan turki Uthmaniyyah ketika itu. Menurut Lukman Sinar S.H. al-Haj, perhubungan yang dibuat adalah dari sudut keagamaan dan ketenteraan. "Di antara Kerajaan Turki Uthmani di Istanbul dan kerajaan Monggol Islam di India dan

*Kerajaan Aceh Darussalam bertali teguh sekali apatah kerana semua fahaman Sunni.”*

- Kerajaan Aceh dianggap sebagai wakil kepada kerajaan Islam di sebelah timur kerana kepesatan politik Islam dan perkembangan ilmunya yang tinggi.
- Perundangan Islam – Adat Mahkota Alam atau Kanun Mahkota Alam – mengenai peraturan pemerintahan dan perdagangan yang bersandarkan hukum Islam. Ia disusun di zaman Iskandar Muda Mahkota Alam.
- Ulama sangat berperanan dan berpengaruh dalam pemerintahan Aceh – seperti kadi menjadi pemangku sultan dalam tempoh ketiadaan sultan baru yang menggantikan sultan terdahulu yang mangkat.
- Menjadi pusat penentangan kuasa penjajah. Di samping berusaha membentasi pengaruh Portugis di pesisir timur Aceh, juga telah memperluaskan benteng Islam ke Semenanjung Tanah Melayu.

### C. Kesultanan Melayu Melaka ( 1400-1511M)

- Melaka telah dibuka oleh Parameswara – keturunan Raja Srivijaya
- Terima Islam pada 1414M.
- Zaman kegemilangan pada pertengahan abad ke 15M
- Peranan ;
  1. **Pelabuhan perdagangan**
    - Pelabuhan Melaka terkenal kerana kedudukannya yang strategik – di tengah jalan perdagangan antara Asia Timur dan Asia Barat seperti Arab, India, China dsb. → menjadi pusat persinggahan para pedagang dari India ke China dan sebaliknya.
    - Melaka bertindak sebagai pusat pengumpulan dan pertukaran serta penjualan barang-barang dagangan.
    - Terdapat 2 angin monsun di Selat Melaka iaitu angin monsun barat daya dan angin monsun timur laut → memudahkan pergerakan kapal dagang di Asia Tenggara.
    - Kemudahan fizikal yang disediakan pentadbir Melaka seperti sistem perundangan yang sistematik bertujuan untuk memelihara keamanan dan kemudahan gudang untuk menyimpan barang-barang dagang menarik minat pedagang.
  2. **Pusat penyebaran dan pengajaran agama Islam.**
    - Pengislaman Parameswara oleh Syed Abdul Aziz → pembesar dan rakyat turut masuk Islam.
    - Kepesatan pelabuhan Melaka sebagai pusat perdagangan turut menyumbang peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam.
    - Melaluinya, Islam tersebar ke seluruh Tanah Melayu, Sumatera dan Jawa dan tanah jajahannya seperti Siak, Rokan, Inderagiri dsb.
  3. **Pusat Perkembangan Bahasa Melayu.**
    - Berkait rapat dengan faktor perdagangan dan penyebaran Islam.
    - Bhs Melayu telah dijadikan bahasa perantaraan atau *Lingua Franca* dalam aktiviti perdagangan. Pedagang asing terpaksa bertutur dalam BM untuk berkomunikasi dengan para pemerintah, rakyat dan pedagang lain.
    - Dalam Sejarah Melayu menyatakan raja-raja Melaka amat berminat dengan ilmu → Melaka menjadi pusat ilmu dan kebudayaan Melayu.
    - Ramai penulis kitab mengenai Islam dan sastera melayu lahir.
    - Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah telah diketahui dan dibaca oleh orang Melaka sejak abad ke 15 lagi.

- Draf Undang-undang Laut Melaka dan Hukum kanun Melaka – hasil penulisan BM bertulisan jawi peninggalan zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

#### 4. **Pusat politik Islam.**

- ajaran Islam diserapkan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Melaka. Walaupun tidak mengikut 100% undang-undang Islam tetapi terdapat pengaruh Islam di dalamnya – Hukum Kanun Melaka hanya 40.95% hukum Islam manakala Undang-undang Laut Melaka hanya satu dari 25 fasal mengikut hukum Islam sebenar.
- Undang-undang Melaka ini berasaskan 2 peraturan iaitu peraturan adat dan peraturan agama.
- Peraturan adat – landaskan Adat Temenggung manakala agama – landas mazhab Syafie.
- Undang-undang yang terdapat di Melaka:

##### 1. **Hukum kanun Melaka**

- dikenali juga dengan *Undang-undang Darat Melaka* atau *Risalat Hukum Kanun*.
- Ada 44 fasal.
- Berkuatkuasa di Melaka pusat dan kawasan jajahannya.
- Antara kandungannya yang terpenting:
  - a. Tanggungjawab raja dan pembesar.
  - b. Pantang larang di kalangan anggota masyarakat.
  - c. Perhukuman kesalahan jenayah dan awam.
  - d. Undang-undang keluarga
  - e. Permasalahan ibadat dan muamalat
  - f. Hukum perhumaan.
- Undang-undang Islam yang terdapat di dalamnya secara jelas ialah undang-undang keluarga. Dalam hal lain terdapat percampuran antara hukum adat dan hukum syara'.
- Contohnya kesalahan jenayah membunuh sering ada pilihan antara hukum adat dengan hukum syara'. Dalam fasal 14.2 – bersabit dengan pembunuhan, hakim mempunyai kuasa untuk menentukan samada hukum adat atau syara' yang harus digunakan ke atas pesalah.
- Dalam Hukum Kanun Melaka ini juga terdapat perbezaan antara kelas – bangsawan ( raja ), orang merdeka dan hamba – ini bertentangan dengan hukum Islam.
- Walaupun terdapat kepincangan, terdapat juga perundangan yang mengikut hukum syara', antaranya:
  - a. perwalian seseorang perempuan ( Fasal 25.1)
  - b. syarat sah ijab kabul dalam perkahwinan ( Fasal 25.2)
  - c. hukum dan syarat saksi dalam pernikahan ( Fasal 26 )
  - d. hukum-hukum tentang perceraian dan perpisahan antara suami isteri ( Fasal 27-28 )
  - e. hukum riba ( Fasal 30 )
  - f. hukum jual beli ( Fasal 31.1-31.3 )Selain itu terdapat juga beberapa fasal yang lain yang jelas menampakkan hukum syariah di dalamnya.

##### 2. **Undang-undang Laut Melaka**

- hanya 1 fasal sahaja yang mengandungi hukum syara' iaitu tentang zina. Yang lain – hukum adat.
  - w/pun hukuman kesalahan zina dalam Undang-undang Laut Melaka lebih kurang sama dengan Hukum Kanun Melaka tetapi ia tiada alternatif dengan hukum adat. Di samping itu, hukuman sebatnya juga berbeza. Dalam Hkanun Melaka- 80X dalam ULaut Melaka- 100X.
- W/pun hukum Islam sepenuhnya tidak dijalankan di Melaka tetapi hukum tersebut memang disedari oleh rakyat Melaka ketika itu.
  - Para kadi dan undang-undang Islam telah memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri Melaka.
  - Kekuasaan Melaka juga telah berjaya menguasai wilayah-wilayah:
    - persisiran Semenanjung
    - persisiran Selat Melaka.
    - timur Sumatera.
- Jatuh ke tangan Portugis pada 1511M

#### D. Patani

- Sebuah kerajaan Melayu yang terletak di selatan Thailand
- Pengislaman Patani – terdapat beberapa pendapat:
  1. abad ke-14M – penemuan Batu Bersurat Terengganu 1303M
  2. abad ke-15M – menerima Islam dari Melaka.
  3. pengislaman dari Pasai – kerajaan ulama dari Pasai ( Syaikh Said ) mengubati penyakit Raja Patani ( Raja Phyu Tu Nakpa ) – raja peluk Islam memakai gelaran Sultan Ismail Zillullah fi al-Alam.
- Kecemerlangan Patani:
  1. menjadi pusat pengajian Islam terkenal
    - abad ke-18 dan ke 19M
    - pusat pengajian sebelum ke Timur Tengah
    - sistem pendidikan pondok
      - Pondok Dalo – terkenal, diketuai oleh Hj Abd. Rahman / Tok Dalo.
      - Pondok Semla – gurunya Hj Ahmad Idris/ Tok Bermin
      - Pondok Mango – gurunya Haji Hassan / Tok Mango
    - melahirkan tokoh-tokoh ulama terkemuka seperti :
      - Shaikh Daud al-Patani
      - Syaikh Ahmad bin Muhammad Zayn al-Patani
      - Nik Mahmud Nik Ismail
      - Syaikh Mahmud Said

#### 5. PENDIDIKAN

- Muncul institusi pendidikan seperti:
  - madrasah
  - pondok / pesantren
  - masjid
  - surau
  - istana

- di Aceh – zaman Iskandar Muda Mahkota Alam telah didirikan institusi pengajian tinggi dengan nama Jami' Baitul Rahman yang mengandungi 17 dar ( fakulti )
- sukatan pelajaran – pengajian al-Quran dan asas-asas agama seperti Fiqh, Usuluddin dan akhlak.
- ilmu dan pendidikan terbuka kepada semua golongan
- lahirnya karya agama – satera kitab seperti Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Amirul Mukminin dll.
- pengenalan jawi dalam aspek tulisan
- Perbendaharaan kata dan istilah Melayu – pengaruh Bahasa Arab.
- Lahir pusat-pusat ilmu yang terkenal seperti Pasai, Melaka, Aceh, Johor-Riau dan Patani.
- Lahir tokoh ilmuan seperti Hamzah al-Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Bukhari al-Jauhari, Daud al-Fatani dll.